

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 23 MAC 2018

MUKA SURAT: 06

Krisis air punca 761 projek ditangguh

KUALA LUMPUR 23 Mac - Krisis air berpanjangan di Selangor telah menyebabkan kelulusan bekalan air bagi sebanyak 761 projek pembangunan baharu di negeri itu terpaksa ditangguhkan setakat 31 Januari lalu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, daripada jumlah tersebut, kira-kira 40 peratus atau sebanyak 305 projek melibatkan pembangunan pangsapuri dan rumah teres.

Katanya, masalah yang memabitkan keperluan bekalan air sebanyak 467 juta liter sehari itu sekali gus mengesahkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa Selangor sedang menghadapi masalah air yang kritikal.

"Tetapi Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (PKR-Gombak) tidak mahu menerima kenyataan dan malah beliau juga ego tidak tahu membezakan antara air di empangan dan air terawat.

"Saya mahu tanya Mohamed Azmin sama ada beliau menggunakan air di empangan atau air terawat. Jika menggunakan air empangan saya boleh arahkan bomba hantar air ke rumahnya," katanya semasa sesi waktu pertanyaan menteri dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Budiman Mohd. Zohdi (BN-Sungai Besar) yang bertanya sama ada kementerian menerima aduan dan rungutan daripada pemaju-pemaju perumahan yang gagal menyiapkan projek masing-masing disebabkan masalah air.

Pada masa sama, Noh memberitahu, masalah tersebut berupaya menjejaskan daya tarikan Selangor sebagai destinasi



NOH OMAR

pelaburan seperti yang telah dirancang oleh kerajaan negeri terdahulu di bawah Barisan Nasional.

Beliau menjelaskan, ketika ini, kedudukan Selangor dari segi penerimaan nilai pelaburan telah merosot ke tempat keempat di belakang Johor, Pulau Pinang dan Sarawak.

"Apa maksudnya? Ini bermakna pelabur pun sudah takut untuk datang ke Selangor. Walaupun masih ada sekitar dua peratus rizab air tetapi mereka takut sekiranya bekalan ini tidak dapat menampung permintaan," katanya.

Noh juga bimbang pembangunan ekonomi dan peluang pekerjaan untuk rakyat Selangor akan terjejas sekiranya masalah itu dibiarkan berlarutan.